

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BILANGAN 4 TAHUN 2019

TARIKH : 25 APRIL 2019 (KHAMIS)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, <i>S.I.S.,P.P.T.</i>
(Yang Dipertua) | - | Pengerusi |
| 2. | YDM Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin
Tengku Harun, <i>D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.</i> | - | Ahli Majlis |
| 3. | Encik Wong Kim Loon | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Rosdi bin Meor Endut | - | Ahli Majlis |
| 5. | Encik Mat Irwan bin Ismail | - | Ahli Majlis |
| 6. | Encik Hamzah bin Abu Bakar | - | Ahli Majlis |
| 7. | Cik Ang Lee Yong | - | Ahli Majlis |
| 8. | Encik Ang Eu Liang | - | Ahli Majlis |
| 9. | Encik Nadasan a/l Subramani | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Haridass a/l Ramasamy | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Gan Yee Chin | - | Ahli Majlis |
| 12. | Encik Teh Eng Teck | - | Ahli Majlis |
| 13. | Encik Lim Tou Yih | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman | - | Ahli Majlis |
| 15. | Encik Munusamy a/l Erishin | - | Ahli Majlis |
| 16. | Encik Razali bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 17. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid | - | Ahli Majlis |
| 18. | Encik Sethupathy a/l Subramaniam | - | Ahli Majlis |
| 19. | Encik Baharudin bin Misran | - | Ahli Majlis |
| 20. | Puan Rahimah binti Harun | - | Ahli Majlis |
| 21. | Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam | - | Ahli Majlis |

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 22. | Encik Low Kok Hua | - | Ahli Majlis |
| 23. | Puan Norhaninawati binti Mohd Yusof | - | Ahli Majlis |
| 24. | Puan Siti Nor Eaini binti Nasuka | - | Ahli Majlis |
| 25. | Encik Yunis Khalis binti Abdul Manap | - | Ahli Majlis |
| 26. | Encik Mohd Yasin bin Alwi, <i>A.I.S.</i> | - | Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 1. | Encik Miskon bin Haji Karim, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Khidmat Pengurusan |
| 2. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan
Perbendaharaan |
| 3. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Kejuruteraan |
| 4. | Tuan Haji Arpaali bin Haji Sanat, <i>A.M.S. P.P.T., P.K.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Perancangan Pembangunan |
| 5. | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan Pelesenan |
| 6. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan Pengurusan
Sisa Pepejal dan Kesihatan
Persekitaran |
| 7. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan
Penilaian dan Pengurusan
Harta |
| 8. | Puan Norain binti Mohamad | - | Pengarah Jabatan
Pembangunan Masyarakat |
| 9. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan
Landskap |
| 10. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan
Penguatkuasaan |
| 11. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i> | - | Ketua Unit Perundangan |
| 12. | Encik Mohd Halid bin Roslei | - | Ketua Perunding Kawalan
Pemajuan |
| 13. | Cik Mohaneswary a/p Batumalai@
Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit Dalam |
| 14. | Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan | - | Ketua Unit Korporat dan
Perhubungan Awam |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 15. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin | - | Ketua Bahagian Teknologi Maklumat |
| 16. | Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni- | | Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan |
| 17. | Tuan Haji Ngadni bin Mohamad, , P.J.K. | - | Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan |
| 18. | Encik Amirzaki bin Che Hassain | - | Wakil Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan |

DIJEMPUT HADIR

- | | | | |
|----|--|---|-----------|
| 1. | Yang Berhormat Tuan Lau Weng San
ADUN Banting | - | Pemerhati |
|----|--|---|-----------|

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- | | | | |
|----|------------------------------------|---|-----------------------------|
| 1. | Puan Nurfadhilah binti Jalaludin | - | Pegawai Tadbir |
| 2. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 3. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 4. | Encik Noor Ridhuan bin Abdul Jalil | - | Pembantu Operasi |

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA	
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan.	Makluman
2.0	UCAPAN PENGERUSI	
	Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YDM Orang Besar Daerah, YB. ADUN, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Yang Dipertua dan Pengarah-Pengarah Jabatan pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, Tuan Pengerusi memaklumkan perkara-perkara berikut:	
	2.1 Ucapan terima kasih kepada ahli-ahli mesyuarat yang telah memeriahkan program anjuran MDKL antaranya <i>Retromania Grand Gathering 2019</i> dan Karnival 3W di Pantai Morib. Pada bulan April ini juga, pihak Majlis telah menerima kunjungan daripada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor, YB. Tuan Ng Sze Han dan YB. Hee Loy Sian ke daerah Kuala Langat bagi isu naiktaraf Pasar Awam Banting dan isu kilang bateri di Kampung Jenjarom.	Makluman
	2.2 Berkenaan Kilang Leoch Accupower (kilang bateri di Kampung Jenjarom), beliau bersetuju dengan ulasan daripada pihak Exco berkaitan tahap pencemaran plumbum di kilang tersebut. Pihak Majlis juga telah memberikan kerjasama yang baik kepada pihak Kerajaan Negeri berhubung isu ini. Buat masa ini, pihak kilang telah diarah untuk menutup operasi sehingga pihak Majlis mendapat laporan daripada JAS.	Makluman
	2.3 Keberangkatan DYMM Sultan Selangor ke Makam Jugra akan diadakan pada 1 Mei 2019. Semua ahli mesyuarat dijemput hadir.	Makluman

	2.4	Sesi 'Town Hall' bersama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Tengah akan diadakan pada 2 Mei 2019 bertempat di Kompleks Sukan, MDKL. Antara agensi yang terlibat adalah PTD Kuala Langat, PDRM, JKR, JPS, PAID, nazir-nazir dan imam-imam masjid.	Makluman
	2.5	Majlis Berbuka Puasa MDKL akan diadakan pada 8 Mei 2019 di Rumah Amal Raudatul Jannah, Olak Lempit.	Makluman
	2.6	Program Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri Selangor oleh DYTMM. Raja Muda Selangor akan diadakan pada 26 Mei 2019 di Masjid Al-Firdaus, Sungai Rambai.	Makluman
	2.7	Keberangkatan DYMM Sultan Selangor untuk menghadiri program Ihya Ramadhan pada 28 Mei 2019 di Masjid Sultan Abdul Samad, Jugra.	Makluman
	2.8	Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan pada 22 April 2019 telah membangkitkan berkenaan isu kilang haram di daerah Kuala Langat. Tuan Pengerusi memaklumkan pihak Majlis akan terus mematuhi arahan pihak Kerajaan Negeri di mana tiada lagi kelulusan untuk kilang kitar semula plastik kecuali mengikut zon yang telah ditetapkan dan perlu mendapat ulasan daripada JAS.	Makluman
3.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	3.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 3 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 MAC 2019	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Rosdi bin Meor Endut dan disokong oleh Encik Wong Kim Loon tanpa sebarang pindaan.	Makluman
4.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
		- TIADA-	

5.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BILANGAN 3 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 DISEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 4 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 17 APRIL 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<u>Perkara 3.5 (m.s.3)</u> Encik Gan Yee Chin memohon agar pihak KDEB memantau kontraktor mereka.	Makluman
	ii.	<u>Perkara 3.6 (m.s.4)</u> Berkenaan laporan penilaian prestasi kontraktor pengurusan sisa pepejal, Pengarah JPSPKP memaklumkan laporan ini merujuk kepada aduan yang diterima melalui sistem SISPA. Beliau juga memaklumkan untuk bulan April dan Mei, laporan penilaian prestasi kontraktor akan dibentangkan oleh pihak KDEB.	Makluman
	iii.	<u>Perkara 4.2.1 (ms.5)</u> Encik Baharudin memaklumkan padang sepak takraw di Pantai Batu Laut masih belum dibaikpulih. Beliau juga memaklumkan Pertandingan Sepak Takraw Peringkat Negeri Selangor akan diadakan selepas Sambutan Aidilfitri. Beliau juga memaklumkan Program Ramah Mesra	JK

		Bersama Penduduk Orang Asli akan diadakan pada 4 Mei 2019 di Pantai Cunang. Oleh kerana kawasan tersebut tidak mempunyai bekalan elektrik, beliau mencadangkan pihak JK membekalkan generator.	
	iv.	<p><u>Perkara 4.5.6 (m.s.7)</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu statistik lori sampah haram yang berjaya ditahan oleh JPK. Beliau juga mendapat aduan kebanyakan lori yang membuang sampah haram datang dari luar Kuala Langat.</p> <p>Encik Ang Eu Liang mencadangkan penambahan kawasan liputan untuk kutipan sampah haram pada tahun hadapan.</p> <p>Encik Mat Irwan memaklumkan masalah sampah haram berlaku kerana penduduk tidak mempunyai tempat untuk membuang sampah seperti yang berlaku di kawasan Dun Sijangkang dan kebanyakan mereka tinggal di kawasan tanah lot.</p>	JPK
	v.	<p><u>Perkara 4.6.3 (m.s.8)</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin mencadangkan untuk permohonan dan pembaharuan lesen, penjaja diminta mengambil gambar di atas petak niaga mereka.</p>	JPL
	vi.	<p>Encik Baharudin memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar yang lalu telah bersetuju agar bangunan MARA di Pantai Batu Laut dirobuhkan. Walau bagaimanapun, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah baru-baru ini, pihak MARA memaklumkan akan membaik pulih bangunan tersebut untuk diguna semula.</p> <p><i>Pengarah JPP memaklumkan permohonan telah dikemukakan kepada pihak jabatan tetapi ditolak kerana sebahagian bangunan dibina di atas rizab jalan.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan untuk meroboh dan membina semula, pihak MARA perlu hantar permohonan ke JKB.</i></p>	Makluman

		<i>Encik Baharudin memohon pihak JPK membuat pemantauan di Pantai Batu Laut kerana terdapat projek mengorek pasir di kawasan tersebut yang menyebabkan jalanraya menjadi kotor.</i>	
5.3		MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 4 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 17 APRIL 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	Tuan Pengerusi memaklumkan projek MARRIS fasa 1 sedang berlangsung. Beliau berharap Ahli-Ahli Majlis dapat menghebahkan perkara ini kepada penduduk kampung.	Makluman
5.4		MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 4 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 18 APRIL 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<u>Perkara 4.1 (m.s.5)</u> Encik Gan Yee Chin memohon agar kadar sewaan gerai MDKL di Jalan Seribu Tahun, Olak Lempit dikekalkan sebanyak RM150.00 sebulan. <i>Mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan kadar sewaan gerai MDKL di Jalan Seribu Tahun, Olak Lempit sebanyak RM150.00 sebulan.</i>	Makluman

ii.	<p><u>Perkara 5.2 (m.s.5)</u></p> <p>Encik Mat Irwan memaklumkan laluan masuk ke pejabat MDKL yang perlu melalui tapak pembinaan adalah tidak sesuai kerana ia membahayakan keselamatan kakitangan dan orang awam yang datang ke MDKL. Oleh itu, beliau berharap pihak Majlis dapat membuat satu keputusan samada untuk membatalkan atau meneruskan projek ini. Pihak Majlis perlu mendapatkan pandangan daripada pihak ketiga yang tidak berpihak kepada mana-mana pihak. Beliau juga berharap pihak JKB bersikap lebih profesional dalam hal ini.</p> <p>Cik Ang Lee Yong memohon pihak JKB membuat pembentangan laporan dalam Mesyuarat MDKL pada setiap bulan.</p> <p><i>Berkenaan pembinaan laluan pejalan kaki di Dataran Banting, dimaklumkan kemajuan kerja adalah sebanyak 90% dan pihak kontraktor dalam proses untuk memasang 'kerb' serta membina semula trek jogging yang baru.</i></p>	Makluman
5.5	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 4 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 18 APRIL 2019	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
5.6	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 4 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 18 APRIL 2019	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	Makluman

	<p>i. <u>Perkara 4.3.2 (m.s.5)</u></p> <p>Merujuk kepada laporan kes denggi dalam daerah Kuala Langat, Encik Wong Kim Loon memaklumkan kawasan Kampung Tanjung Layang, Ladang Bedford dan Kampung Ladang Batu Darat bukan berada di bawah zon beliau.</p> <p>YDM, Dato' OBD memaklumkan kawasan Koi Prima Kondo adalah di bawah Zon 11.</p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan akan membuat semakan dari segi persempadanan.</i></p>	<p>JPSPKP</p>
	<p>ii. <u>Perkara 5.2.1 (m.s.21)</u></p> <p>Encik Ang Eu Liang ingin tahu mengapa kategori industri ditentukan oleh pihak MIDA.</p> <p><i>Dimaklumkan kategori industri ditentukan oleh pihak MIDA kerana pihak JAS tidak mempunyai kategori perindustrian tertentu berdasarkan garis panduan JAS yang baru.</i></p>	<p>Makluman</p>
<p>5.7</p>	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 4 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 19 APRIL 2019</p>	
	<p>Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:</p>	
	<p>i. <u>Perkara 5.3.2 (m.s.13)</u></p> <p>Encik Ang Eu Liang ingin tahu status kilang memproses minyak hitam di Batu 15 yang membuang sisa minyak ke dalam longkang dan mengalir ke longkang taman perumahan.</p> <p><i>Pengarah JPK memaklumkan tindakan telah diambil bersama JPSPKP. Buat masa ini, pihak JPK sedang menunggu laporan daripada JAS berkaitan sisa minyak hitam tersebut.</i></p>	<p>Makluman</p>

	5.8	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 4 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 19 APRIL 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	Encik Yunis Khalis ingin tahu status pelantikan Pengerusi Induk PeBT. <i>Dimaklumkan Mesyuarat Bersama Pengerusi PeBT telah diadakan pada 24 April 2019 di mana seramai 18 orang Pengerusi PeBT telah hadir manakala 6 orang lagi tidak hadir. Lantikan Pengerusi Induk PeBT telah dibuat dalam mesyuarat tersebut tetapi tidak dipersetujui oleh MSN. Oleh itu, pihak jabatan akan berbincang semula dengan MSN berkaitan perkara ini.</i>	Makluman
6.0		MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:	
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 6 TAHUN 2019 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 MAC 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 7 TAHUN 2019 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN 5 APRIL 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman

7.0	UCAPAN PENANGGUHAN	
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Razali bin Ahmad.	
	<p>i. Beliau mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, YDM. Dato' Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan.</p> <p>ii. Beliau mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada beliau menyampaikan ucapan penangguhan pada mesyuarat hari ini.</p> <p>iii. Ucapan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja MDKL kerana sering mengadakan operasi penguatkuasaan samada secara dalaman atau bersepadu bersama agensi kerajaan yang lain antaranya operasi turun padang ke penempatan pekerja warga asing di kawasan perindustrian Batu 9, Kebun Baru. Operasi ini telah memberi harapan baru kepada penduduk sekitar kerana mereka telah lama meminta perkara ini diambil tindakan. Perkara ini juga memberi satu mesej yang jelas kepada pemilik tanah penempatan warga asing tersebut supaya mereka lebih peka dan menghormati undang-undang sedia ada.</p> <p>iv. Berkenaan projek pembinaan bangunan pejabat baharu MDKL, beliau berharap pihak Majlis dapat memikirkan cara yang terbaik untuk menangani masalah kelewatan projek ini.</p> <p>v. Akhir kata, beliau memohon maaf sekiranya ada salah dan silap serta keterlanjuran kata.</p>	Makluman
8.0	UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi	
	Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Daerah Kuala Langat

Tarikh : 30 April 2019

Disemak oleh :



.....
(MOHD YASIN BIN ALWI, A.I.S.)
Setiausaha,
Majlis Daerah Kuala Langat

Disahkan oleh :



.....
(MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID, S.I.S.,P.P.T.)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Engku Gan Yee Cyin
dan disokong oleh Encik Razali bin Ahmad tanpa sebarang pindaan

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JPM - JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN
PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN

- 14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
- 15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
- 16. PRO - UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
- 17. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
- 18. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

lynda/mesyuarat mdkt 4/2019